

KENYATAAN TAWARAN
TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN KENDERAAN
BAGI MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU (TAWARAN SEMULA)
(MBKT SH41/2025)

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat bumiputera dan orang-orang perseorangan bagi **negeri Terengganu Sahaja** untuk membeli aset terpakai sebagaimana berikut :-

1. Aset alih tersebut adalah disimpan sebagaimana dinyatakan dalam iklan kenyataan tawaran sebut harga di “**Lampiran A**” dan boleh dilihat bila-bila masa pada waktu pejabat mulai **(RABU) 12 MAC 2025** dengan menghubungi Pegawai Kenderaan/pegawai – “**EN YUSLIZAN AZIZE BIN HAJI ZAYADI : 09-6121454 / 011-30608981**”
2. Semua tawaran mestilah disertakan dengan **Wang Deposit Cagaran** (Bank Guarantee / Bank Draf / Wang Kiriman Pos) sebanyak **5%** daripada harga tawaran tertakluk kepada Maksima **RM5,000.00** bagi sebuah kenderaan atas nama **DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU beserta SALINAN PENYATA BANK (Statement Bank) yang disahkan oleh Pegawai Bank dan SALINAN KAD PENGENALAN atau Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).** Mana-mana tawaran yang tidak disertakan dengan “Wang Deposit Cagaran” atau kurang daripada jumlah deposit tersebut adalah dianggap terbatal dengan sendirinya dan tidak akan dipertimbangkan.
3. ***Pegawai awam tidak dibenarkan menyertai sebut harga ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.***
4. Semua aset yang dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as is where is basis) dan pihak MBKT tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
5. Segala perbelanjaan berkaitan pembelian aset tersebut seperti memindah dan mengalih aset dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
6. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset alih tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. **Wang Deposit Cagaran** yang dinyatakan dalam perenggan (2) di atas ***akan dikembalikan kepada Penyebut Harga-Penyebut Harga yang tidak berjaya*** dalam tempoh 14 hari selepas keputusan dikeluarkan dan bagi Penyebut Harga yang berjaya pula Wang Deposit Cagaran itu akan dikembalikan sebaik sahaja syarat-syarat di perenggan (5) itu telah selesai disempurnakan atau hanya menjelaskan wang beza sahaja. Wang Deposit Cagaran tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya Penyebut

Harga yang telah diberitahu **BERJAYA** ingkar menerimanya dalam tempoh yang ditetapkan.

8. Tawaran Sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Bahagian Pengurusan Aset (STOR) Tingkat 15, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada **(RABU) 12 Mac 2025** hingga **(KHAMIS) 20 Mac 2025 “Secara Percuma”**.
9. Tarikh tutup tawaran ini pada **(AHAD) 23 Mac 2025** dan borang tawaran mestilah dihantar **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut**.
10. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan **no. Sebut harga MBKT SH41/2025 “TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN KENDERAAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU BAGI TAHUN 2025”** dan dimasukkan dalam PETI SEBUT HARGA sebagaimana alamat berikut pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut :

**DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,
BAHAGIAN KONTRAK & UKUR BAHAN,
TINGKAT 18 MENARA MBKT,
NO 1, JALAN WARISAN TANJUNG 1,
20000, KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU DARUL IMAN.**

11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran bagi membeli aset tersebut.

Sekian.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“ MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

Nama Penuh : **DATO’ HAJI ROSLI BIN LATIF**

Nama Jawatan : **DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**